

13 JAN 1999

Abdullah-Imej

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KDN AKAN PERBAIKI IMEJ - ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri termasuk polis hari ini telah bersetuju untuk memperbaiki imej organisasi masing-masing.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata langkah itu akan menjadi salah satu daripada keutamaan kementerian itu.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kementerian itu selepas mesyuarat mingguan Kabinet di sini, Abdullah berkata KDN juga akan meneruskan dasar-dasar dan program yang telah dilaksanakan ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Menteri Dalam Negeri.

Abdullah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri dalam rombakan Kabinet yang diumumkan Dr Mahathir pada Jumaat lepas.

Yang turut menghadiri mesyuarat hari ini ialah dua orang Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Datuk Ong Ka Ting. Kadir juga merupakan muka baru di kementerian itu. Beliau sebelum ini memegang jawatan Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Abdullah berkata dalam mesyuarat hari ini, semua ketua jabatan dan agensi di bawah kementerian itu bersetuju bahawa adalah perlu untuk memperbaiki imej organisasi mereka.

Katanya beliau telah menegaskan pentingnya jabatan dan agensi berkenaan menjaga imej serta melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka kepada rakyat sebaik mungkin.

"Mereka (kakitangan jabatan dan agensi) mesti mempunyai semangat ingin berkhidmat kepada rakyat dengan bersikap peramah dan mesra," kata beliau.

Kata beliau, sebagai ketua organisasi masing-masing, mereka harus menunjukkan teladan yang baik kepada kakitangan mereka dan bekerjasama untuk memastikan perkhidmatan yang bermutu kepada orang ramai.

"Muafakat dan kerjasama mesti diutamakan," kata beliau.

Sambil menyebut amalan Asean sebagai contoh, bekas Menteri Luar itu menasihatkan mereka supaya menyelesaikan segala masalah melalui perbincangan atau rundingan dan bukan melalui cara yang boleh menimbulkan suatu suasana yang tidak diinginkan.

Beliau berkata mereka juga mesti menunjukkan kesetiaan mereka kepada kerajaan.

Ketika ditanya mengenai tumpuan beliau di kementerian itu, Abdullah berkata beliau perlu mendapatkan taklimat daripada ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah kementerian itu terlebih dahulu.

Katanya, keutamaan beliau adalah untuk memastikan bahawa jabatan dan agensi yang berurusan dengan orang ramai meningkatkan mutu perkhidmatan mereka.

Di samping polis, jabatan lain yang juga di bawah kementerian itu ialah Jabatan Imigresen dan Jabatan Penjara.

-- BERNAMA

ES NMO